

Latihan: Memodenkan

A. Pilih jawapan yang betul dalam petak bagi setiap soalan di bawah.

Setelah bondanya mendengar dan bondanya pun menangis.
Sementara itu negeri Puspa Sari pula dalam keadaan senyap.
Orang termangu-mangu seperti kematian raja.
Negeri Puspa Sari seperti negeri yang telah dikalahkan oleh musuh.
Kemudian Marakarmah mendukung adiknya lalu berjalan menuju ke hutan belantara.

1. Setelah didengar oleh bondanya maka disahutnya dengan air matanya juga.

Jawapan: _____

2. Maka Marakarmah itu pun mendukung saudaranya, lalu ia berjalan menuju hutan rimba belantara itu.

Jawapan: _____

3. Maka segala yang tinggal itu pun termangu-mangu seperti orang kematian raja lakunya.

Jawapan: _____

4. Di dalam negeri Puspa Sari itu sunyi rupanya.

Jawapan: _____

5. Negeri Puspa Sari tidak bercahaya dan tidak bersemangat lagi, seperti dialahkan oleh musuh rupanya.

Jawapan: _____

B. Padankan soalan petak A (petikan klasik) dengan jawapan petak B (petikan moden)

PETAK A

Setelah sampai tiga hari Marakarmah itu pergi, maka negeri Puspa Sari itu pun terbakarlah, suatu pun tiada yang tinggal, habislah dimakan api sekalian.

Maka segala orang di dalam negeri Puspa Sari itu pun habislah pecah-belah, bercerai-cerai, tiada berketahuan perginya itu, masing-masing membawa diri ke sana-sini.

Maka maharaja Indera Angkasa itu pun tinggallah laki-isteri di tepi hutan dekat negerinya itu.

Maka baharulah dia tahu akan dirinya orang dengki akan dia dan busuk hati kepadanya.

Maka dia pun berjalanlah di dalam hutan itu, sambil menangis sepanjang jalan itu mencari anakanda baginda kedua itu, maka tiada juga bertemu.

PETAK B

Sementara itu, Maharaja Indera Angkasa dan isterinya terpaksa tinggal di tepi hutan.

Orang-orang dalam negeri Puspa Sari itu bertempiran lari menyelamatkan diri masing-masing.

Tiga hari selepas Marakarmah pergi, negeri Puspa Sari terbakar semuanya.

Dalam keadaan sedih, baginda terus berusaha mencari kedua-dua anakanda baginda namun tidak bertemu.

Kini barulah baginda menyedari bahawa ada orang yang dengki kepada baginda.

C. Beri makna perkataan Bahasa klasik di bawah ini dengan jawapan yang disediakan.

dalam keadaan tidak tentu arah
kerana putus asa

dibalasnya

sedar akan kesalahannya

dikalahkan

tidak diketahui ke mana dia pergi

hangus terbakar

1. Disahutinya - _____
2. Termangu-mangu - _____
3. Dialahkan - _____
4. Habislah dimakan api sekalian - _____
5. Tiada berketahuan perginya - _____
6. Tahu akan dirinya - _____